

Kertas Bil. 63/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGKAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN
6 – 9 APRIL 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT
COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND
TRANSPARENCY-SELCAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERKENAAN ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT
(NEGERI SELANGOR) 2011
KERTAS BILANGAN 3/2015**

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCY, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY-SELCAT)

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
1	Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competency, Accountability and Transparency-SELCAT), Dewan Negeri Selangor berkenaan "Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011".	9.1. Seorang ahli MMKN hendaklah diberi tanggungjawab untuk menjaga portfolio Enakmen Kebebasan Maklumat untuk melaksanakan sebarang penambahbaikan terhadap sistem akses kepada maklumat di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat.	√		MMKN bersetuju YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping diberikan tanggungjawab untuk menyelaraskan FOI serta diselaraskan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.  Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Selangor Darul Ehsan Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A.S 40000 Shah Alam.
		9.2. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempercepatkan proses pelantikan dan pewartaan Pegawai-pegawai Maklumat sedia ada yang sudah mula bertugas sejak tahun 2013.	√		MMKN telah meluluskan pelantikan Pegawai Maklumat Jabatan yang baru melalui mesyuarat Ke-13 / 2015 pada 15 April 2015.  ELIZABETH WONG Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Selangor Darul Ehsan Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A.S 40000 Shah Alam.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		9.3. Latihan berkala untuk Penjawat Awam Kerajaan hendaklah dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh termasuk kakitangan kumpulan sokongan supaya mereka boleh memaklumkan kepada pemohon setiap langkah-langkah dalam mendapatkan akses kepada maklumat di bawah Enakmen ini termasuk rayuan kepada Badan Maklumat Negeri.	√		Cadangan ini diambil perhatian dengan baik dan perancangan latihan (seminar, bengkel dan kursus) telah dijadualkan di dalam takwim tahunan setiap Jabatan / Agensi. Di peringkat Jawatankuasa Induk di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, program / aktiviti yang dirancang melibatkan semua lapisan warga kerja adalah seperti berikut: a. Taklimat Pengenalan Asas Berkaitan Enakmen Kebebasan Maklumat akan diadakan pada 9 September 2015 bertempat di Auditorium Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam;


ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A.S
 40000 Shah Alam

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					b. Bengkel Pengukuhan Pemahaman Enakmen Kebebasan Maklumat diadakan sebanyak tiga (3) siri pada 13-14 April 2015, 15-17 September 2015 dan 26-27 Oktober 2015; dan c. Hari Terbuka Enakmen Kebebasan Maklumat akan dijalankan dengan kerjasama semua Jabatan / Agensi di peringkat daerah dan komuniti. Selain itu, Pegawai Maklumat Jabatan yang dilantik juga telah dipertanggungjawabkan untuk merangka, melaksana dan mempergiatkan program-program yang bertujuan mempromosikan Enakmen ini dengan lebih meluas di kalangan <i>stakeholders</i> dan pelanggan masing-masing.


ELIZABETH WONG

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (D.A.C.)
Selangor Darul Ehsan
Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A S
40000 Shah Alam.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		9.4. Garis Panduan untuk penyerahan tugas antara Pegawai Maklumat baru dan lama hendaklah dibuat untuk menyelaraskan proses pemprosesan tugas tanpa sebarang masalah.	√		Cadangan ini diambil perhatian dengan baik dan garis panduan ini sememangnya telah diwujudkan sebelum ini bagi setiap Pegawai Maklumat Jabatan yang dilantik. Hal ini turut diperjelaskan di dalam Fail Meja setiap Pegawai Maklumat yang mana ia diterangkan secara jelas tentang perihal prosedur dan tatacara pengurusan permohonan yang diterima. Namun yang demikian, garis panduan ini perlu dikemas kini dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Seseorang pegawai yang bertukar ke Jabatan lain dikehendaki menyediakan Nota Serah Tugas yang menyatakan secara jelas tentang peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi jawatan berkenaan termasuk peranan selaku Pegawai Maklumat Jabatan.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		9.5. Latihan lanjutan sepertimana yang dicadangkan oleh Y.B. Puan Elizabeth Wong di mana pakar-pakar yang berpengalaman dalam pelaksanaan undang-undang Kebebasan Maklumat hendaklah dibawa masuk untuk melatih Pegawai-pegawai Maklumat dan membantu menambah baik sistem dan prosedur sedia ada.	√		Cadangan ini diambil perhatian dengan baik dan Pentadbiran ini sememangnya telah merancang bengkel / kursus / seminar yang melibatkan Pegawai-pegawai Maklumat Jabatan bersama pakar-pakar berkaitan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat dalam tempoh terdekat ini. Pada 15-17 September 2015, Pentadbiran ini akan mengadakan Bengkel Pengukuhan Pemahaman Enakmen Kebebasan Maklumat Siri 1 Tahun 2015 dengan kerjasama Pegawai Undang-undang yang berpengalaman daripada Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		9.6. Hebahan dan pendidikan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat kepada pihak awam hendaklah diselaraskan oleh ahli MMKN, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan Jabatan-jabatan supaya lebih teratur dan tersebar lebih luas memandangkan hanya sesetengah jabatan yang menunjukkan kesedaran umum dan permohonan yang tinggi, dan ini kerana mereka mengambil inisiatif sendiri untuk membuat hebahan tersebut.	√		Cadangan ini diambil perhatian dengan baik dan usaha mempromosikan Enakmen ini sedang giat dilaksanakan oleh Pegawai Maklumat Jabatan masing-masing. Input promosi dan hebahan ini diselaraskan oleh pihak urus setia dan inisiatif ini dilaksanakan di peringkat Jabatan agar kumpulan sasaran berjaya dicapai. Mesyuarat Penyelarasan juga akan diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun turut dijadikan sebagai medium pemantauan yang terbaik dalam memastikan Enakmen ini dilaksanakan secara menyeluruh di semua Jabatan / Agensi. Mesyuarat ini juga membolehkan Pegawai-pegawai Maklumat berkongsi pengalaman dan inisiatif masing-masing dalam menjayakan pelaksanaan Enakmen ini di Jabatan / Agensi.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		9.7. Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat hendaklah ditambahbaikkan untuk mewajibkan supaya pada setiap peringkat dan tahap dalam proses mendapatkan akses maklumat di dalam permohonan, pemohon akan dimaklumkan supaya mereka tidak tertunggu-tunggu dan membawa persepsi kurang baik terhadap amalan kerja penjawat awam Kerajaan Negeri Selangor.	√		Perkara ini akan dikaji untuk memudahkan proses di peringkat pentadbiran.
		9.8. Setiap perjanjian yang ditandatangani Kerajaan Negeri Selangor perlu memasukkan klausa Enakmen Kebebasan Maklumat di mana sekiranya terdapat kepentingan awam di mana orang awam perlu mengetahui mengenai perkara ini, maka status	√		Perkara ini akan diteliti semula dengan nasihat oleh Kamar Penasihat Undang-undang Negeri.


ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A S
 40000 Shah Alam


ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A S
 40000 Shah Alam

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		dokumen berperingkat perjanjian boleh diubah oleh MMKN untuk dimaklumkan kepada orang awam tanpa mendapatkan persetujuan pihak ketiga terlebih dahulu.			
		9.9. Jawatankuasa menegaskan bahawa Laporan Tahunan perlu dibentangkan di dalam Dewan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di Seksyen 22 Enakmen Kebebasan Maklumat (Selangor) 2011.	√		Pentadbiran ini mengambil perhatian sepenuhnya tentang keperluan pembentangan Laporan Tahunan berkaitan pelaksanaan Enakmen ini di dalam sidang Dewan Negeri. Dalam hal ini, Pentadbiran ini sedang mengemas kini input pelaksanaan daripada semua Jabatan / Agensi dan dijangka akan dibentangkan di dalam sidang Dewan Negeri akan datang.


ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A S
 40000 Shah Alam.